



SIARAN MEDIA

RMK-13 PERKASA PEMBANGUNAN BANDAR SECARA MAMPAN DAN INKLUSIF – MENTERI KPKT

PUTRAJAYA, 6 Ogos 2025 – Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) menyambut baik dan menyokong penuh pembentangan Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK-13) oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim, pada Khamis lalu. Pembentangan ini mencerminkan komitmen berterusan Kerajaan Perpaduan dalam merangka hala tuju pembangunan negara yang inklusif, mampan dan berdaya tahan demi kesejahteraan rakyat serta kemajuan negara secara menyeluruh.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM) berkata, “Strategi dan inisiatif yang digariskan dalam RMK-13 mengukuhkan komitmen negara terhadap pembangunan mampan dan inklusif, selaras dengan peranan Malaysia selaku Presiden Perhimpunan UN-Habitat”.

Antara komponen penting yang diberi penekanan dalam RMK-13 ialah peluasan penggunaan teknologi **Industrialised Building System (IBS)** dan **Building Information Modeling (BIM)** dalam sektor pembinaan. Pendekatan ini bukan sahaja meningkatkan kecekapan dan kualiti kerja, malah turut menjimatkan kos, meminimumkan pembaziran serta mempercepatkan tempoh siap projek.

Menurut YB KM, penggunaan IBS dan BIM mampu melonjakkan produktiviti dan mengurangkan pembaziran bahan binaan, sekali gus menurunkan kos pembinaan, terutamanya bagi projek perumahan awam. Langkah ini turut menyokong sasaran Kerajaan untuk membina satu juta unit rumah mampu milik dalam tempoh 10 tahun, selaras dengan komitmen KPKT untuk menyediakan perumahan yang berkualiti, selesa dan mampu milik untuk rakyat.

Selaras dengan aspirasi membangunkan bandar yang lebih inklusif, KPKT turut merangka strategi bagi memperluas pelaksanaan **pembangunan berorientasikan transit** (*Transit-Oriented Development- TOD*).

“Dengan mengintegrasikan projek perumahan mampu milik dengan sistem pengangkutan awam melalui konsep TOD, ia dapat memudahkan akses rakyat khususnya golongan B40 kepada peluang pendidikan dan pekerjaan,” tambah beliau.

KPKT juga akan terus merancang inisiatif perumahan secara berasaskan fakta dan pemacu data (*fact-based and data-driven*) melalui pembangunan repositori maklumat perumahan yang bersepadu bagi memastikan dasar yang dirangka menepati keperluan dan kemampuan rakyat.

Bagi melindungi hak pembeli rumah, KPKT akan meneliti strategi untuk mewajibkan pemaju menyerahkan hak milik strata semasa serahan milikan kosong.

Selaras dengan komitmen RMK-13, KPKT akan meneruskan usaha membantu golongan miskin tegar bandar melalui program pembinaan semula dan baik pulih rumah usang. Sepanjang tahun 2023 dan 2024, sebanyak **4,814 unit rumah telah dibaik pulih**, dan **245 unit rumah baharu telah dibina**, melibatkan peruntukan keseluruhan sebanyak **RM104.4 juta**.

Dalam aspek pengurusan sisa pepejal, KPKT akan terus memperkukuh pelaksanaan **ekonomi kitaran** (*circular economy*) dengan menambah baik mekanisme pelaksanaannya demi memastikan pengurusan sisa yang lebih efisien dan mampan.

“Pelbagai inisiatif yang digariskan dalam RMK-13 ini adalah selaras dengan prinsip KPKT di mana tiada yang tertinggal, tiada yang terpinggir. RMK-13 menjadi landasan penting dalam usaha merealisasikan bandar masa depan yang lebih mampan, inklusif dan sejahtera untuk semua,” ujar YB Menteri.

#MalaysiaMADANI
#RMK-13
#Kesejahteraan
#StrongerTogether
#DemiPertiwi
#UnityInDiversity
#RancakkanMADANI

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan (8) Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan oleh : Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555 / Faks : 03-8891 5557 / E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

UKK
K P K T